



Kini, saya menggunakan modul ini untuk mengajar murid yang dikenal pasti tidak boleh membaca di sekolah kami dan hasilnya murid mampu membaca secara asas seawal 10 hari”

Noraniza Abdul Rahim,
Guru pemulihan khas Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Setia

BIH
5/1/17
ms 26

Noraniza bersama buku **Bijak ABC** yang dihasilkannya.

Kaedah cepat membaca

➔ Buku Bijak ABC bantu murid celik huruf seawal 10 hari

Oleh Siti syahirah Suhaimi
upen@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tabiat menghafal dikenal pasti antara faktor menyebabkan ramai murid gagal menguasai kemahiran 4M, iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul.

Kajian yang dijalankan oleh guru pemulihan khas Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Setia, Noraniza Abdul Rahim terhadap sekumpulan murid mendapati meskipun boleh menyebut abjad sama ada dalam bentuk nyanyian mahupun bertutur, tetapi mereka gagal mengecam abjad secara rawak dan tidak tahu membaca.

Noraniza berkata, berdasarkan kajian itu beliau membangunkan modul dengan menyesuaikan 12 konstruk Literasi dan Numerasi (LINUS) bagi membantu murid kelas pemulihan di sekolah beliau mengajar.

Info

Bijak ABC

Merangkumi tiga jilid iaitu:

Jilid 1 - mengandungi 10 set bahan untuk meningkatkan keupayaan membaca dan menulis huruf vokal, konsonan, suku kata terbuka, perkataan suku kata terbuka serta ayat mudah

Jilid 2 - mengandungi 20 set bahan untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis suku kata tertutup, perkataan yang mengandungi suku kata tertutup, ayat mudah dan suku kata tertutup 'ng'.

Jilid 3 - mengandungi 12 set bahan untuk meningkatkan keupayaan membaca dan menulis suku kata diftong, vokal berganding, konsonan bergabung, perkataan berimbuhan awalan dan akhiran, ayat mudah serta ayat berdasarkan bahan rangsangan.

➔ **Dijual** pada harga RM12.90 setiap jilid

membaca di sekolah kami dan hasilnya murid mampu membaca secara asas seawal 10 hari,” katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

Kajian beliau mengambil masa selama lima tahun dengan mengambil kira pelbagai faktor bagi memenuhi kehendak dan kesesuaian Program Saringan LINUS yang diperkenalkan di sekolah pada 2010.

Modul yang dihasilkan itu kini dibukukan oleh BH bertajuk Bijak ABC merangkumi 3 jilid dan sesuai digunakan oleh murid prasekolah, Tahun Satu, kelas pemulihan dan yang mempunyai masalah pembelajaran.

Beliau berkata, buku itu juga sesuai dijadikan sebagai bahan pengajaran oleh guru di dalam bilik darjah dengan pelbagai teknik berkesan antara lain penggunaan kad huruf, suku kata, perkataan atau tayangan slaid berdasarkan modul yang disediakan.

“Bagi ibu bapa yang mahu melihat sendiri perkembangan anak mereka, digalakkan untuk

“Modul yang saya hasilkan ini melalui beberapa proses pengubahsuaian bagi memastikan setiap kandungan benar-benar dapat membantu murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Sesuai untuk LINUS

“Kini, saya menggunakan modul ini untuk mengajar murid yang dikenal pasti tidak boleh

→ **Boleh** didapati di Kios Pendidikan BH di The New Straits Times Press, Jalan Riong, Kuala Lumpur atau layari laman sesawang www.bhpendidikan.com.my

→ - **Jika** berminat, boleh hubungi 1-300-22-6768 (Kios Pendidikan)

memiliki dan mengguna pakai buku ini di rumah sekali gus mempercepatkan proses penguasaan membaca.

“Penggunaannya secara konsisten oleh guru atau ibu bapa, bukan sahaja membolehkan murid menguasai bacaan asas dengan cepat, malah boleh lancar membaca dalam tempoh kurang dari enam bulan,” katanya